



Anwar melakukan pemeriksaan perbarisan pada perasmian ibu pejabat kebangsaan PBSM di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Aswadi Alias/BH)

# Dana RM3j disalur kepada PBSM galak kerja sukarelawan

Kerajaan  
hargai peranan  
persatuan selaras  
konsep Madani

Oleh Rohaniza Idris  
roha@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Sebanyak RM3 juta diperuntukkan kepada Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM) sebagai rangsangan dan galakan kepada persatuan itu dalam kerja sukarelawan dan bantuan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, sebanyak RM1 juta disalurkan melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, manakala RM1 juta lagi daripada Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) khusus bagi kerja kebajikan dan lapangan di dalam atau luar negara.

"Sebanyak RM1 lagi kita setuju berikan untuk memperkukuh, menyelenggara dan pengurusan ibu pejabat dan di negeri supaya

lebih mantap," katanya ketika merasmikan ibu pejabat kebangsaan PBSM sempena ulang tahun ke-75 persatuan itu di sini, semalam.

Turut berangkat pada majlis itu ialah Tunku Temenggong Kedah, Tunku Puteri Tan Sri Intan Safinaz Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah yang juga Pengerusi Kebangsaan PBSM.

Yang turut hadir, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri; Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek dan Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Adam Adli Abd Halim.

## Sanggup risikokan diri

Anwar berkata, kerajaan sentiasa menghargai peranan sukarelawan di negara ini yang sanggup merisikokan diri dalam usaha menyampaikan bantuan dan kerja menyelamatkan sama ada di dalam dan luar negara.

Perdana Menteri, semangat yang ada pada diri sukarelawan berkenaan juga selaras dengan salah satu tonggak dalam konsep Madani, iaitu ihsan yang mementingkan sifat kemanusiaan sejagat tanpa mengira perkau-

man sempit.

"Kemanusiaan itu bererti kita ada ihsan dan kasih sayang. Nilai kemanusiaan itu apabila kita bertimbang rasa, ada kasih dan sayang, mereka akan bantu yang menghadapi masalah dan ini satu hal yang dikembangkan di PBSM.

"Selama 75 tahun penubuhannya, PBSM yang hampir umur saya ini mengumpul pelbagai pengalaman dalam menghulurkan bantuan ketika berlaku malapetaka, bencana dan perang saudara.

"Kehadiran wakil PBSM ini sehingga ada yang menyabung nyawa dan menghadapi risiko termasuk mengalami kecederaan," katanya.

Justeru, Perdana Menteri menggesa kementerian yang berkaitan menggalakkan lebih ramai anak muda terbabit dalam kerja sukarelawan dan kebajikan.

"Semangat ini perlu ditanam seawal di sekolah rendah yang mana semangat kesukarelawan ini bersifat universal atau sejagat tanpa mengira latar belakang, agama, kaum dan budaya," katanya.